

PENGUKUHAN USULUDDIN MENDEPANI PASCAMODENISME DAN PASCA NORMAL: EPISTEMOLOGI DAN APLIKASI

STRENGTHENING USULUDDIN IN CONFRONTING POSTMODERNISM AND THE POST-NORMAL ERA: EPISTEMOLOGY AND APPLICATIONS

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil¹

¹Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Abstrak

Artikel ini membincangkan pengukuhan disiplin Usuluddin dalam menghadapi cabaran pascamodenisme dan era pasca normal yang mencabar keutuhan makna, hierarki ilmu, dan metodologi tradisional. Pascamodenisme menolak meta naratif, merelatifkan kebenaran, dan memecah struktur makna, manakala era pasca normal menampilkan ketidakpastian radikal, nilai yang bertembung, dan perubahan tidak linear. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis falsafah dan dokumen terhadap teks klasik (tradisi kalam, tauhid) dan sumber kontemporari (Lyotard, Foucault, Sardar, al-Attas, Nasr). Analisis menunjukkan bahawa pengukuhan Usuluddin bukan sekadar mempertahankan tradisi, tetapi menuntut pemurnian epistemologi tauhid, peluasan tasawur Islam ke isu semasa (AI, media digital, ekologi), serta penataan metodologi, kurikulum, dan tadbir ilmu agar responsif terhadap cabaran global. Artikel ini mengemukakan garis panduan menangani relativisme dan ketidakpastian, serta implikasi pendidikan dan dasar awam berasaskan prinsip tauhid. Kesimpulannya, pengukuhan Usuluddin ialah proses strategik yang membina ketahanan epistemik dan sosial melalui ilmu yang berakar pada Realiti Yang Esa, sambil menghubungkan wahyu dengan rasionalistik dan sains dalam kerangka normatif yang inklusif.

Kata kunci: Usuluddin, pascamodenisme, era pasca normal, epistemologi Tauhid, Tasawur Islam

Abstract

This article examines the strengthening of the Usuluddin discipline in addressing the challenges of postmodernism and the post-normal era, which undermine the integrity of meaning, the hierarchy of knowledge, and traditional methodologies. Postmodernism rejects meta-narratives, relativizes truth, and fragments structures of meaning, while the post-normal era introduces radical uncertainty, conflicting values, and non-linear change. This study employs a qualitative approach through philosophical and document analysis of classical texts (kalam tradition, tawhid) and contemporary sources (Lyotard, Foucault,

Perkembangan Artikel

Diterima: 27 Februari 2026

Disemak: 7 April 2026

Diterbit: 30 April 2026

*Corresponding Author:

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil,
Pusat Pengajian Ilmu
Kemanusiaan, Universiti Sains
Malaysia.

Email: ibrahimmajdi@usm.my

Sardar, al-Attas, Nasr). The analysis reveals that strengthening Usuluddin is not merely about preserving tradition but requires the purification of tawhid epistemology, the expansion of the Islamic worldview to contemporary issues (AI, digital media, ecology), and the restructuring of methodology, curriculum, and knowledge governance to remain responsive to global challenges. The article proposes guidelines for addressing relativism and uncertainty, as well as implications for education and public policy based on the principles of tawhid. In conclusion, strengthening Usuluddin is a strategic process that builds epistemic and social resilience through knowledge rooted in the One Reality, while integrating revelation with rationality and science within an inclusive normative framework.

Keywords: *Usuluddin, postmodernism, Post-Normal era, Tawhid epistemology, Islamic worldview.*

PENGENALAN

Bidang Usuluddin merupakan teras kepada disiplin ilmu Islam yang membincangkan pokok-pokok akidah, tauhid, dan pandangan hidup berasaskan wahyu. Sejak awal sejarah Islam, Usuluddin berperanan memelihara kesatuan makna dan keteguhan iman dalam menghadapi pelbagai cabaran, daripada perdebatan teologi klasik hingga pengaruh falsafah asing. Namun, cabaran kontemporari bersifat lebih kompleks dan mendalam. Pascamodenisme dengan relativisme kebenaran dan dekonstruksi makna, serta era pasca normal dengan ketidakpastian radikal dan perubahan tidak linear, menguji keutuhan epistemologi dan metodologi Usuluddin.

Dalam konteks ini, pengukuhan Usuluddin bukan sekadar mempertahankan tradisi, tetapi menuntut penyusunan semula kerangka ilmu agar relevan dan berdaya tahan. Artikel ini bertujuan menganalisis cabaran-cabaran tersebut, menilai implikasinya terhadap disiplin Usuluddin, dan mengemukakan strategi pengukuhan melalui pemurnian epistemologi tauhid, peluasan tasawur Islam, serta penataan metodologi dan kurikulum. Dengan pendekatan ini, Usuluddin diharap bukan sahaja bertahan, tetapi mampu mendepani cabaran global sambil mengekalkan prinsip tauhid sebagai asas pandangan hidup. Pengukuhan merujuk kepada usaha mengukuhkan, memperkukuh, menjadikan kukuh, meneguhkan pendirian agar tidak mudah berubah atau berganjak, serta memperkuat kedudukan (Kamus Dewan, 1986). Bidang Usuluddin berlawanan dengan *furū' al-dīn* yang merujuk kepada perkara-perkara cabang dalam agama. Menurut Ensiklopedia Akidah Islam, istilah Usuluddin terdiri daripada dua kata, iaitu *usul* (pokok atau dasar) dan *al-din* (agama). Maka, Usuluddin dapat diertikan sebagai pokok-pokok atau dasar-dasar ajaran agama. Ilmu yang membicarakan pokok-pokok ajaran agama disebut sebagai ilmu Usuluddin (Harahap & Nasution, 2003).

Ulama pertama yang menggunakan istilah Usuluddin ialah Imam al-Shafi'i. Beliau menyatakan: "Kitab ini kami muat di dalamnya persoalan-persoalan Usuluddin yang akan menjadi pedoman bagi para mukallaf yang aku bagi nama dengan *al-fiqh al-akbar*" (Syahrin Harahap & Nasution, 2003). Istilah ini kemudian berkembang dengan pelbagai nama seperti ilmu kalam, ilmu tauhid, ilmu akidah, al-fiqh al-akbar, dan dalam wacana kontemporari disebut sebagai teologi Islam.

Istilah ilmu kalam muncul pada zaman pemerintahan Abbasiyyah, khususnya era Khalifah al-Ma'mun. Dinamakan demikian kerana perbincangan utamanya berkaitan persoalan pokok keagamaan

seperti sifat Kalam Allah, apakah qadim atau baharu. Ahmad Fuad al-Ahwani menegaskan bahawa ilmu kalam berfungsi memperkukuh akidah Islam melalui hujah rasional (al-Ahwani, 1970). Ilmu ini juga dikenali sebagai *al- 'Aqa' id al-Islamiyyah* kerana hampir semua kajiannya membincangkan dasar-dasar akidah dalam ajaran Islam.

Imam Abu Hanifah dan Imam al-Shafi'i dianggap pelopor awal ilmu Usuluddin, meskipun mereka lebih dikenali sebagai ulama fiqh dan pengasas mazhab Hanafi serta Syafi'i. Ulama Usuluddin sering dikaitkan dengan Abu Hasan al-Ash'ari, pengasas aliran Ash'ariyyah, dan Abu Mansur al-Maturidi, pengasas aliran Maturidiyyah. Kedua-dua tokoh ini dianggap sebagai pendukung utama aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Abu Hasan al-Ash'ari menghasilkan karya penting seperti *al-Ibanah*, *al-Luma'*, dan *Maqalat al-Islamiyyin*, manakala Abu Mansur al-Maturidi menulis *Kitab al-Tawhid* (Harahap & Nasution, 2003).

Terma terkini bagi ilmu Usuluddin dipanggil sebagai teologi Islam (*Islamic Theology*). Walaupun istilah ini mendekati maksud Usuluddin, ia pada asalnya bukan digunakan oleh sarjana Islam. Jongeneel, seorang ahli teologi Yahudi, mendefinisikan teologi sebagai gambaran iman kepada Allah secara sistematik baik dalam tradisi Yahudi, Kristian, mahupun Islam (Jongeneel, 1998). Jika teologi Islam dimaksudkan sebagai gambaran iman kepada Allah secara sistematik, maka istilah ini sinonim dengan Usuluddin. Secara keseluruhan, Usuluddin, *al-fiqh al-akbar*, *al- 'Aqa' id al-Islamiyyah*, *ilmu al-tawhid*, dan teologi Islam merangkumi perbincangan tentang sifat-sifat Allah serta hubungan-Nya dengan manusia dan alam semesta.

Pada zaman awal Islam, perkembangan pemikiran memperdalam pengajian al-Quran dan tafsir, hadis dan ilmu hadis, serta ilmu hukum. Namun, artikel ini akan membincangkan bidang Usuluddin dalam kerangka yang lebih luas, merangkumi *worldview* (pandangan dunia), tasawur, dan sistem Islam yang komprehensif. Ertinya, Usuluddin pada masa kini dan masa depan perlu dilihat dalam skop yang lebih besar berbanding perbincangan tradisional.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian-kajian terdahulu mengenai cabaran ideologi kontemporari terhadap pemikiran Islam telah banyak dibincangkan oleh sarjana, namun fokus khusus terhadap pengukuhan metodologi dan tasawur Usuluddin masih memerlukan penerokaan lanjut. Dalam konteks cabaran pascamodenisme, kajian oleh Zakaria Stapa (2014) menegaskan keperluan "revitalisasi" proses peneguhan akidah dalam menghadapi dekonstruksi nilai pascamodenisme yang meresap secara halus melalui proses globalisasi. Beliau menekankan bahawa kelunturan naratif agama berpunca daripada relativisme kebenaran yang dibenihkan oleh pemikiran ini. Begitu juga, kajian yang memfokuskan kepada ancaman pascamodenisme menjelaskan bahawa penolakan 'naratif agung' (*grand narrative*) merombak struktur metafizik, yang secara langsung menggugat keabsahan wahyu dan asas akidah umat Islam.

Beralih kepada era pasca normal, wacana ini banyak dikembangkan daripada gagasan Ziauddin Sardar (2010; 2015) yang menyifatkan era ini sarat dengan kerumitan (*complexity*), kekacauan (*chaos*), dan kontradiksi (*contradictions*). Kajian-kajian kontemporari mendapati bahawa era pasca normal merupakan kesinambungan daripada krisis pascamodenisme yang menghakis autoriti dan struktur sosial akibat ketidakpastian kebenaran secara radikal.

Walaupun kajian-kajian di atas berjaya mendiagnosis ancaman ontologi dan epistemologi yang dibawa oleh pascamodenisme dan era pasca normal, kebanyakannya bersifat reaktif dan tertumpu

kepada analisis sosiologi atau kesan luaran. Wacana yang secara holistik menggariskan strategi aplikasi melalui pemurnian epistemologi Tauhid dan peluasan tasawur Islam untuk menyusun semula tadbir ilmu Usuluddin masih belum diperincikan secara menyeluruh. Oleh hal yang demikian, artikel ini berusaha mengisi lompong kajian tersebut dengan mengemukakan sintesis metodologi berhierarki (*bayānī-burhānī-irfānī*) sebagai langkah proaktif bagi mengukuhkan disiplin Usuluddin.

Menilik Sejarah: Iktibar daripada Perkembangan Pemikiran Usuluddin

Dakwah Dinasti Umayyah yang mendukung teori *al-jabr* (paksaan) menjadi punca kemunculan aliran al-qadr yang menekankan kebebasan kehendak manusia. Aliran Qadariyyah dipelopori oleh Ma'bad bin Khalid al-Juhani, murid kepada Abu Zar al-Ghifari. Pertentangan ini merupakan reaksi terhadap Jabariyyah yang didukung oleh pemerintah Bani Umayyah selepas era Mu'awiyah bin Abi Sufyan. Penentangan terhadap fahaman Jabariyyah turut dilakukan oleh Ghilan al-Dimasyqi yang menolak sandaran kezaliman kepada Allah atas nama al-jabr. Konflik ini mencetuskan kekacauan dalam pemikiran akidah umat Islam, ditambah dengan pengaruh asing yang meresap ke dalam wacana keagamaan. Di sinilah bermulanya metodologi rasionalisme dalam perbahasan *al-'aqa'id al-Islamiyyah* (al-Nashar, 1986).

Perdebatan ini mendorong tokoh seperti Imam Abu Hanifah dan Imam al-Shafi'i membincangkan isu-isu ilmu kalam berkaitan zat, sifat, qadar, dan iman. Imam al-Shafi'i kemudiannya mempelopori ilmu Usul Fiqh, yang mengangkat perbahasan qiyas (analogi) sebagai sumbangan besar Islam kepada tamadun manusia. Sementara itu, tribulasi *Khalq* al-Qur'an menimbulkan perdebatan antara ahli kalam dan ahli hadis, sehingga lahir karya-karya yang menolak dakwaan Jahmiyyah dan Mu'tazilah, khususnya dalam isu sifat Allah dan perbuatan manusia (Mohsein Abdul Hamid, 1995).

Selepas era *futuhat* (pembukaan wilayah), Islam berhadapan dengan pelbagai agama dan mazhab yang memiliki falsafah ketuhanan berakar umbi selama berabad-abad. Menghadapi cabaran ini tidak memadai dengan hafalan al-Quran dan sunnah semata-mata, tetapi memerlukan pendekatan rasional dan logik baharu untuk memahami maksud kedua sumber tersebut. Golongan rasionalis seperti Ma'bad al-Juhani, Umar al-Maqsus, al-Ja'd bin Dirham, Jahm bin Safwan, al-Hasan al-Basri, Wasil bin 'Ata', dan 'Umar bin 'Ubaid muncul dalam konteks ini. Walaupun perdebatan ini berjaya mempertahankan akidah Islam daripada pengaruh falsafah luar, ia tidak terlepas daripada kesalahan metodologi dan objektiviti (al-Nashar, 1986).

Sumbangan Mu'tazilah dalam mempertahankan prinsip Islam berdepan aliran falsafah dan agama yang menyeleweng tidak boleh dinafikan. Namun, pendekatan mereka menimbulkan kontroversi sehingga mendorong kemunculan aliran Ash'ariyyah. Abu al-Hasan al-Ash'ari, yang asalnya bermazhab Mu'tazilah, mempelopori usaha pembaharuan ini. Tokoh-tokoh seperti al-Baqillani, al-Juwayni, al-Ghazali, dan Fakhr al-Razi menegaskan bahawa rasionalisme akal tidak boleh mendahului nas *qat'i*. Prinsip mereka jelas, akal berperanan mentafsir nas mengikut kaedah bahasa yang sahih, tetapi tidak boleh bertentangan dengan ketetapan nas. Walaupun Ash'ariyyah turut menerima kritikan, misalnya dalam teori sebab-musabab, aliran ini mengisi kekosongan metodologi dengan pendekatan semak imbang yang lebih sistematik (Mohsein Abdul Hamid, 1995). Dalam konteks ini, sumbangan Imam al-Ghazali amat besar, khususnya dalam menghadapi cabaran falsafah dan tasawuf. Demikian juga peranan Ibn Taymiyyah dalam menangkis pengaruh falsafah dan tasawuf falsafi serta aliran kebatinan (al-Nashar, 1986).

OBJEKTIF

1. Menganalisis cabaran epistemologi dan metodologi Usuluddin dalam menghadapi pascamodenisme dan era pasca normal.
2. Merumuskan strategi pengukuhan Usuluddin melalui pemurnian epistemologi tauhid dan peluasan tasawur Islam agar responsif terhadap isu kontemporari.
3. Menilai aplikasi praktikal kerangka Usuluddin yang telah dimurnikan dalam menangani isu-isu kontemporari terpilih seperti era digital, media sosial, dan krisis ekologi.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis falsafah dan analisis dokumen. Analisis falsafah digunakan untuk menilai konsep-konsep teras seperti tauhid, epistemologi, dan tasawur Islam dalam konteks cabaran pascamodenisme dan era pasca normal. Analisis dokumen melibatkan kajian terhadap teks klasik (al-Attas, Nasr, tradisi kalam) dan sumber kontemporari (Lyotard, Foucault, Sardar, Funtowicz & Ravetz) bagi mengenal pasti persamaan, perbezaan, dan implikasi terhadap pengukuhan Usuluddin. Pemilihan sumber dilakukan secara purposif berdasarkan relevansi dengan tema kajian. Data dianalisis melalui pendekatan tematik yang menggabungkan tiga tahap:

- (i) Deskriptif – mengenal pasti cabaran dalaman dan luaran;
- (ii) Analitik – menilai kesan epistemologi pascamodenisme dan pasca normal terhadap Usuluddin;
- (iii) Sintesis normatif – merumuskan strategi pengukuhan melalui epistemologi tauhid, peluasan tasawur, dan penataan metodologi.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Cabaran Kontemporari

Cabaran Dalaman: Krisis Identiti dan Penolakan Ajaran Islam

Muhammad Uthman El-Muhammady (1998) menegaskan bahawa cabaran utama umat Islam, khususnya generasi muda, ialah menyedari hakikat bahawa keselamatan dan kejayaan Islam terletak di bahu mereka. Kesedaran ini menuntut pemahaman mendalam tentang Islam serta kemampuan menanggapi masalah mengikut perspektif ajaran Islam, di samping menawarkan penyelesaian berasaskan prinsip Islam. Krisis “tidak mengenal diri” menimbulkan suasana tidak sihat dalam masyarakat Islam semasa, kerana kegagalan memahami identiti dan peranan sebagai umat yang memikul amanah agama.

Cabaran kedua ialah mencapai kefahaman yang sahih tentang Islam sebagai al-din, sebagaimana ditegaskan dalam al-Quran: “Sesungguhnya agama (*al-din*) yang diterima Allah ialah Islam” (Ali ‘Imran: 19), dan “Sesiapa yang mencari selain Islam sebagai agama (*din*), maka tidak akan diterima daripadanya” (Ali ‘Imran: 85). Islam sebagai *al-din* bermakna seluruh cara hidup manusia sama ada zahir dan batin, material dan spiritual, duniawi dan ukhrawi hendaklah berpandukan ajaran Islam. Peraturan Islam perlu diikuti secara menyeluruh, bukan secara selektif, sebagaimana firman Allah: “Hendaklah kamu masuk ke dalam (agama) Islam itu seluruhnya” (al-Baqarah: 208).

Cabaran dalaman ini menuntut umat Islam bukan sahaja memahami ajaran Islam secara komprehensif, tetapi juga mengamalkannya dan menyebarkannya dalam masyarakat. Hanya dengan

cara ini umat Islam akan kekal relevan dan berperanan dalam dunia yang semakin kompleks (El-Muhammady, 1998).

Cabaran Luaran: Dominasi Materialisme dan Ideologi Barat

Pada era moden, umat Islam berdepan ancaman pelbagai fahaman yang mencabar asas akidah dan worldview Islam. Antara cabaran terbesar ialah pengaruh ideologi Barat seperti sekularisme, modenisme, dan liberalisme yang dipromosikan sebagai solusi terhadap isu kebudayaan, ekonomi, sosial, dan politik tanpa merujuk kepada wahyu dan prinsip Islam. Pada hakikatnya, aliran ini berusaha memisahkan Islam daripada kehidupan, memencilkan ajarannya, dan menghapuskan pengaruhnya dalam pemikiran umat (al-Bahi, 1972).

Pemencilan Islam daripada kehidupan menjadi agenda besar melalui proses pembaratan (*Westernization*), yang sering disalurkan melalui platform akademik dan gerakan orientalis. Falsafah moden yang berkembang di Timur kini sebenarnya berakar daripada tradisi Barat, yang lahir dalam konteks sejarah dan budaya mereka sendiri. Salah satu aliran paling dominan ialah falsafah materialisme yang muncul pada abad ke-19 di Barat. Materialisme menolak agama dan warisan budaya berasaskan akidah, sebaliknya menjadikan deria sebagai asas tunggal pengetahuan. Pengetahuan dianggap sah hanya jika dapat diuji secara empirikal melalui eksperimen saintifik (al-Bahi, 1972).

Walaupun pendekatan ini menghasilkan kemajuan teknologi yang mengangkat taraf kehidupan material, ia mengabaikan nilai akhlak dan moral. Malah, falsafah materialisme mendorong masyarakat melepaskan diri daripada ikatan akhlak, kerana nilai moral dianggap relatif dan berubah mengikut perkembangan sains dan teknologi. Natiujahnya, manusia dalam aliran ini menganggap diri mereka sebagai “tuhan” yang berkuasa mencipta dan mengawal kehidupan melalui teknologi, tanpa menghiraukan kemerosotan nilai kemanusiaan (al-Bahi, 1972).

Logik tiga serangkai yang dipegang oleh aliran ini iaitu pandangan realistik, sains empirikal, dan kemajuan industri diyakini membawa kemakmuran tanpa keburukan. Namun, sejarah membuktikan sebaliknya. Dua peperangan dunia menunjukkan bahawa kemajuan teknologi tidak menjamin peningkatan akhlak dan kemanusiaan. Materialisme, sama ada dalam bentuk kapitalisme atau sosialisme, lebih banyak membawa kehancuran daripada kesejahteraan (al-Bahi, 1972).

Mohamad Kamil Ab Majid (1996) menambah bahawa umat Islam kini cuba menyelesaikan masalah mereka melalui sistem demokrasi liberal, sosialisme, dan nasionalisme, sedangkan penyelesaian sebenar seharusnya berasaskan Islam. Pada zaman lampau, keyakinan umat terhadap Islam sebagai sumber kekuatan dan kebahagiaan hidup tidak pernah tergugat. Namun, serangan Barat kini bersifat halus melalui strategi politik, sosial, dan kebudayaan yang memecahbelahkan umat, menindas pendakwah, dan menggantikan identiti “manusia Muslim” dengan identiti kebangsaan sempit seperti “manusia Arab”, “manusia Turki”, atau “manusia Melayu” (Ab Majid, 1996).

Generasi muda semakin lemah pemikirannya, terpengaruh oleh budaya materialisme dan karya sastera yang melalaikan. Buku-buku bermutu disekat, digantikan dengan bahan hiburan yang merosakkan. Akibatnya, umat Islam gagal mencapai kesatuan, kebebasan, keadilan sosial, dan kemajuan. Sebaliknya, mereka terus berpecah, tertindas, dan kehilangan arah. Umat Islam kini dan akan datang menghadapi masalah yang diwarisi akibat meninggalkan Islam, termasuk kegagalan dalam bidang ekonomi, pendidikan, sosial, politik, dan perundangan. Mereka hidup dalam ketakutan, kekangan kebebasan, dan tekanan undang-undang yang mengekang suara mereka (al-Rifa’i, 1972; Ab

Majid, 1996).

Kolonialisme dan Modernisme: Cabaran Berlapis terhadap Umat Islam

Kolonialisme merupakan cabaran terbesar selepas kejatuhan Baghdad di tangan Tatar dan kekalahan umat Islam dalam Perang Salib. Sejak abad ke-11 hingga ke-13, gerakan kolonialisme Barat terhadap dunia Islam berkembang melalui penaklukan politik dan ekonomi, bermula dengan Sepanyol dan Portugis, diikuti Belanda, Inggeris, Perancis, Amerika, dan lain-lain. Penjajahan ini membawa implikasi besar dalam tiga dimensi iaitu dimensi politik, ekonomi, dan budaya.

Dari segi politik, kolonialisme mengakibatkan kehilangan kuasa pemerintahan umat Islam, digantikan oleh penguasa Kristian. Pemerintah tradisional hanya dijadikan boneka, sementara sistem undang-undang Islam diganti dengan undang-undang Barat, sekali gus memisahkan agama daripada urusan kenegaraan. Dari segi ekonomi, dasar kolonial bertujuan mengaut keuntungan maksimum melalui eksploitasi sumber dan menjadikan negeri jajahan sebagai pasaran utama. Penjajahan budaya dan pemikiran pula berlaku secara sistematik melalui strategi pendidikan dan orientalisme, yang bertujuan melemahkan identiti Islam dan menanam nilai Barat (Ab Majid, n.d.).

Modernisme muncul sebagai cabaran ideologi yang mengagungkan kemodenan dan memandang agama serta tradisi sebagai lambang kekolotan. Ia lahir daripada revolusi sains antara tahun 1500–1700, yang memisahkan ilmu pengetahuan daripada agama secara total. Gerakan ini melahirkan konsep-konsep seperti emperisisme, relativisme, liberalisme, dan akhirnya positivisme. Modernisme bukan sahaja menolak agama, tetapi juga mengangkat fahaman kebebasan mutlak, termasuk gerakan emansipasi wanita, yang sering digabungkan dengan agenda orientalisme. Orientalisme bukan sekadar bersifat ilmiah, tetapi turut berperanan memutarbelitkan ajaran Islam, menyebarkan agama Kristian, dan memperkukuh projek penjajahan (Ab Majid, n.d.).

Cabaran Pascamodenisme dan Era Pasca Normal

Pascamodenisme dicirikan oleh ketidakpercayaan terhadap meta naratif, fragmentasi makna, serta penonjolan pengalaman subjektif. Ia menggugat struktur makna tradisional dengan menyorokkan nilai dalam permainan tanda (simulacra), memecah-belah identiti, dan merelatifkan kebenaran menjadikan akidah yang berasaskan kesatuan makna dan hierarki ilmu mudah digugat oleh wacana yang menafikan landasan transenden (Lyotard, 1984; Baudrillard, 1994). Dalam ekologi maklumat kini, ‘*hyperreality*’ media dan budaya algoritma mempercepatkan proses ini. Kebenaran pada masa kini diukur melalui virality dan bukan kesahihan, autoriti diganti populariti, dan komuniti nilai terlerai akibat “gelembung penapis” (*filter bubbles*) yang memperkukuh bias dan polarisasi (Pariser, 2011; Sunstein, 2017).

Sementara itu, era pasca normal ditandai oleh ketidakpastian radikal, nilai yang bertembung, dan perubahan tidak linear. Dalam konteks sains dan polisi, pendekatan ini menuntut pengakuan terhadap keterbatasan bukti, kepentingan tinggi, serta keterhubungan sistem kompleks sekali gus memerlukan kebijaksanaan melampaui juruteknik dan perluasan komuniti penilai (*extended peer community*) (Funtowicz & Ravetz, 1993; Sardar, 2010, 2015). Sardar menegaskan zaman pasca normal sebagai wilayah ketidakjelasan, paradoks bertindan, kejutan berulang, dan ramalan yang mudah kandas, maka masyarakat memerlukan kerangka yang bukan sahaja benar secara dalaman, tetapi juga tahan uji dalam amalan (Sardar, 2010, 2015). Kedua-dua kerangka pascamodenisme dan pasca normal memerlukan pengajian Usuluddin mengartikulasikan semula kesatuan makna (tauhid) dalam landskap

yang mencabar keutuhan makna dan menguji ketelitian metode (Lyotard, 1984; Funtowicz & Ravetz, 1993).

Pandangan ini turut dikongsi dan dikembangkan oleh Muhammad Uthman El-Muhammady, yang selain mengulas cabaran pascamodenisme, menandai ancaman lanjutan daripada gerakan Kristianisasi di kepulauan Melayu serta kemunculan aliran pseudo-rohaniah dan tarekat songsang yang menjanjikan “kejayaan rohaniah segera” (El-Muhammady, 2004.). Dalam menelaah teori pasca moden, Uthman El-Muhammady mengkritik tafsiran kuasa dan pengetahuan oleh Foucault yang menganggap ilmu terikat dengan kepentingan kuasa sehingga menanggapi kuasa berbentuk konspirasi. Menurut Uthman El-Muhammady, dalam Islam ilmu mempunyai hierarki iaitu ilmu ketuhanan, kenabian, dan alam ghaib sebagai pokok akidah dan pandangan hidup Islam yang ditanzilkan melalui wahyu dan disaring oleh nubuwah serta diperakui melalui *ijma'* ulama berautoriti. Dengan itu, tidak timbul dakwaan bahawa ilmu akidah dicipta oleh pihak berkuasa seperti dakwaan Foucault (1980) (El-Muhammady, 2004., hlm. 30–31). Uthman El-Muhammady menegaskan bahawa prasangka sedemikian terhadap ilmu Islam ialah bentuk kebiadaban epistemik terhadap Allah dan Rasul-Nya, serta boleh menggugat iman mukmin jika pun ada kepentingan dalam disiplin ilmu tertentu, ilmu keagamaan ditunaikan sebagai fardu kifayah demi maslahat umat (El-Muhammady, 2004., hlm. 34).

Selaras dengan itu, falsafah pascamodenisme yang cenderung menolak unsur metafizik (ontologi, epistemologi, aksiologi) atas alasan realiti bersifat berubah-ubah bertentangan dengan garis panduan tauhid dan jalan ilmu dalam Islam. Bagi Uthman El-Muhammady, iman merujuk kepada hikmah *nazariyyah (theoretical wisdom)* manakala takwa merujuk kepada hikmah *'amaliyyah (practical wisdom)*. Kedua-duanya menyatukan pengetahuan dan amalan menurut kerangka Realiti (huruf besar “R”) merujuk kepada Allah Yang Esa yang mengatur realiti-realiti lain (El-Muhammady, 2004., hlm. 4, 30). Jalan Islam ialah jalan epistemologi berteraskan syahadah (penyaksian berilmu), bukan sekadar jalan rasa, sangkaan atau andaian, suatu penegasan yang mengukuhkan keperluan hierarki ilmu, kesatuan makna (tauhid), dan manhaj yang sahih dalam menghadapi relativisme pasca moden (El-Muhammady, 2004.).

Krisis Pemikiran dan Metodologi

Mohsin Abdul Hamid (1996) menegaskan bahawa setiap zaman mempunyai cabaran tersendiri, dan al-Qur'an serta al-Sunnah menyediakan jawapan umum yang boleh disesuaikan dengan konteks cabaran tersebut. Dalam lapangan ketuhanan, kemampuan akal manusia adalah terhad, berbeza dengan persoalan amali yang memerlukan ijtihad, kreativiti, dan inovasi. Perbezaan pandangan dalam sejarah Islam banyak dipengaruhi oleh percampuran tamadun dan respons terhadap cabaran dalaman serta luaran. Misalnya, cabaran awal melibatkan pertentangan antara Qadariyyah, Jabariyyah, dan Murji'ah. Namun, istilah dan persoalan pada zaman tersebut tidak semestinya relevan untuk perbincangan masa kini. Selepas penguasaan Barat, cabaran yang dihadapi umat Islam berubah kepada ideologi dan falsafah moden yang dipaksakan ke atas mereka. Isu-isu baharu ini memerlukan pendekatan metodologi yang berbeza. Persoalan masa kini tidak boleh diselesaikan dengan istilah dan metodologi klasik semata-mata. Hanya al-Quran dan al-Sunnah yang kekal sebagai sumber rujukan universal untuk semua zaman (Abdul Hamid, 1996).

Menghadapi cabaran tamadun Barat dengan ideologi global yang komprehensif menuntut pendekatan Islam yang menyeluruh, berasaskan logik dan sains moden. Pemikiran Islam dalam bidang

Usuluddin dan falsafah harus menyahut cabaran falsafah materialisme moden dan pragmatisme. Dengan kata lain, bidang Usuluddin masa kini perlu memikul tanggungjawab yang sesuai dengan rasionalistik, saintifik, dan realistik, tanpa terikat sepenuhnya kepada istilah dan pendekatan klasik yang sukar difahami dalam konteks semasa. Oleh itu, pengkaji Usuluddin perlu meneliti karya tokoh-tokoh pembaharuan seperti Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad Abduh, Muhammad Iqbal, Muhammad Farid Wajdi, Sa'id Nursi, Abul A'la Mawdudi, Sayyid Qutb, Malik Bennabi, Muhammad al-Bahi, Muhammad al-Mubarak, dan Wahiduddin Khan. Perbincangan semasa harus mengambil kira toleransi pemikiran dan tasawur komprehensif tentang alam, manusia, kehidupan, dan Tuhan, berasaskan wahyu serta logik akal yang rasional dan saintifik (Abdul Hamid, 1996).

Pascamodenisme dan Era Pasca Normal sebagai Cabaran Epistemologi Usuluddin

Pascamodenisme bukan sekadar fenomena budaya, tetapi sebuah kerangka epistemologi yang mencabar asas pandangan hidup Islam. Ketidakpercayaan terhadap meta naratif (Lyotard, 1984) menolak idea kebenaran universal, sedangkan akidah Islam berasaskan tauhid yang menuntut kesatuan makna dan hierarki ilmu. Apabila kebenaran direlatifkan kepada konteks dan subjektiviti, wahyu sebagai sumber kebenaran mutlak menjadi sasaran dekonstruksi. Fragmentasi makna dan permainan tanda (*simulacra*) (Baudrillard, 1994) menghakis struktur makna tradisional, menjadikan agama sekadar satu naratif antara banyak naratif lain.

Kesan epistemik ini diperkuat oleh '*hyperreality*' media dan budaya algoritma, di mana kebenaran diukur melalui *virality* bukan kesahihan, autoriti diganti populariti, dan komuniti nilai terlerai oleh "gelembung penapis" (*filter bubbles*) (Pariser, 2011). Fenomena ini bukan sahaja mengganggu proses pembentukan ilmu, tetapi juga mencipta krisis autoriti dalam masyarakat Islam termasuk 'Ulama dan institusi ilmu kehilangan pengaruh kerana digantikan oleh logik berbentuk trending dan persepsi massa.

Sementara itu, era pasca normal (Funtowicz & Ravetz, 1993; Sardar, 2010) menambah lapisan cabaran dengan ciri ketidakpastian radikal, nilai yang bertembung, dan perubahan tidak linear. Dalam konteks sains dan polisi, pendekatan ini menuntut pengakuan terhadap keterbatasan bukti dan keterhubungan sistem kompleks. Ziauddin Sardar (2010, 2015) menegaskan bahawa zaman ini ialah wilayah ketidakjelasan paradoks bertindan, kejutan berulang, dan ramalan yang mudah kandas. Maka masyarakat memerlukan kerangka yang bukan sahaja benar secara dalaman, tetapi juga resilien dalam amalan. Ini menuntut Usuluddin mengartikulasikan semula tauhid bukan sekadar sebagai doktrin teologi, tetapi sebagai kerangka epistemologi yang mampu menata makna dalam dunia yang cair.

Perbandingan *worldview* memperlihatkan jurang yang jelas. Islam menekankan kebenaran mutlak, hierarki ilmu, dan kesatuan makna manakala pascamodenisme menolak totalisasi, mengangkat pluralisme radikal, dan memecah makna kepada serpihan subjektif. Jika cabaran ini tidak ditangani, ia boleh membawa kepada relativisme akidah, krisis identiti, dan keruntuhan autoriti ilmu.

Cadangan kepada Pemurnian Bidang Usuluddin

Pemurnian bidang usuluddin menuntut tiga langkah utama:

1. Tauhid sebagai Kerangka Makna

Meletakkan tauhid sebagai meta-naratif normatif yang menata ilmu *naqlī*-*'aqlī* dan amalan,

menghindari relativisme makna sambil mengiktiraf konteks sosial.

2. Metodologi Berhierarki

Menyepadukan kaedah tafsir *bayānī* (bahasa), *burhānī* (rasional), dan *irfānī* (rohaniah) secara tertib untuk menangkis dekonstruksi melulu.

3. Etika Ilmu dan Tadbir Maklumat

Memperluas komuniti penilai melibatkan ‘Ulama, ahli sains, dan masyarakat bagi isu berisiko tinggi (polisi, bioteknologi, AI) sambil mengekalkan autoriti wahyu. Dalam budaya algoritma, membina literasi media-agama untuk menangkis ‘*hyperreality*’ dan ‘gelembung penapis’, serta memulihkan komuniti nilai berasaskan amar ma‘ruf nahi munkar.

Cabaran pascamodenisme dan era pasca normal bukan sekadar isu falsafah, tetapi krisis epistemologi yang menuntut respons strategik. Usuluddin perlu bergerak daripada pendekatan defensif kepada pendekatan proaktif dengan mengartikulasikan tauhid sebagai kerangka makna yang mampu berinteraksi dengan wacana kontemporari, sambil mengekalkan keutuhan prinsip wahyu. Dengan sintesis metodologi dan pengurusan maklumat yang bijaksana, Usuluddin bukan sahaja relevan, tetapi menjadi panduan resilien dalam dunia yang sarat ketidakpastian.

Pengukuhan Usuluddin dalam Era Pascamoden dan Pasca Normal

Pengukuhan Usuluddin dalam konteks pasca moden dan pasca normal mesti bermula dengan pemurnian epistemologi tauhid sebagai kerangka makna yang menyatukan sumber ilmu secara bertanggung dan berintegriti iaitu wahyu memimpin, sementara akal, empirikal, dan sejarah berperanan menjelaskan fenomena dunia dalam batas adab ilmu. Dengan menempatkan tauhid sebagai meta naratif normatif, kesatuan makna dipelihara tanpa menafikan kepelbagaian; justifikasi kebenaran kekal telus melalui gabungan *naqlī–‘aqlī*, menghindari relativisme yang menggugurkan hierarki ilmu sambil mengiktiraf relativiti perspektif sebagai ruang sah untuk perbezaan yang beradab. Dalam horizon pasca normal yang ditandai ketidakpastian, kepantasan perubahan, dan pertindihan nilai, manhaj tauhid membekalkan prosedur kebolehsuaian yang berprinsip, metodologi ijtihad yang menggabungkan analitik akal dengan nas serta data terbaik, syura sebagai tatacara musyawarah, prinsip pencegahan untuk isu berisiko tinggi, dan penglibatan extended peer community bagi memperluas penilaian tanpa mengorbankan kompas normatif wahyu.

Tasawur Islam yang bertolak daripada tauhid perlu diterjemahkan kepada medan kontemporari. Sebagai contoh, dalam aspek kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence* (AI)), kebenaran mesti koresponden dengan realiti norma wahyu, sementara agensi moral dinilai bukan sekadar pada kecekapan teknikal tetapi pada amanah dan tanggungjawab. Dalam budaya algoritma dan ‘*hyperreality*’, pembezaan antara tanda dan hakikat, populariti dan autoriti, menjadi asas bagi literasi media-agama yang menangkis gelembung penapis dan erosi struktur makna dalam ekologi moral, alam difahami sebagai ayat dan amanah, mengalihkan hubungan manusia-alam daripada eksploitasi kepada penjagaan (*custodianship*), menggabung normatif wahyu dengan kebijaksanaan sains kompleks. Peralihan daripada polemik ke aplikasi memerlukan sintesis *bayānī–burhānī–‘irfānī* yang bertingkat bagi memastikan kesahihan teks, ketelitian hujah, dan integriti rohaniah. Kurikulum bertindak dari asas

ke aplikasi daripada sifat Ilahi dan nubuwah kepada analisis etika teknologi dan wacana kebenaran digital. Manakala penilaian memberi tumpuan kepada kecekapan translasi dengan kebolehan menukar prinsip kepada analisis fenomena dan cadangan dasar yang operasional.

Garis panduan praktikal bagi menanggapi pasca moden ialah dengan membezakan pluraliti yang beradab daripada relativisme kebenaran dengan menguji dakwaan melalui ketekalan dalaman, korespondensi dengan realiti, dan kesetiaan pada wahyu serta melatih hermeneutik yang memahami teks dan konteks tanpa melepaskan keutamaan nas. Bagi pasca normal, ketidakpastian diterima sebagai keadaan lazim lalu diurus melalui gabungan data terbaik, metodologi ijtihad, syura, prinsip pencegahan, dan proses penilaian komuniti yang diperluas, semuanya ditata oleh kerangka tauhid. Dari sudut tadbir ilmu dan dasar awam, ekosistem penyelidikan yang memaut Usuluddin dengan falsafah sains, kajian media, ekologi, psikologi, dan dasar awam perlu dibina dengan bahasa kebijakan yang dikongsi melalui nilai amanah, keadilan, belas ihsan, penjagaan alam, dan martabat insan untuk masyarakat majmuk tanpa memaksa homogeniti. Keseluruhannya, tauhid mengikat kritik terhadap relativisme dan 'hyperreality' kepada manhaj yang berprinsip, memindahkan wacana daripada sikap defensif kepada aplikasi yang membina, serta meneguhkan Usuluddin sebagai pandu arah epistemik-etis-ontologis bagi zaman yang kompleks.

Aplikasi Pengukuhan Usuluddin Terhadap Isu-Isu Semasa

Bagi menterjemahkan kerangka epistemologi Tauhid dan tasawur Islam secara praktikal dalam mendepani era pasca normal, analisis yang lebih konkrit terhadap beberapa fenomena dan isu kontemporari perlu diketengahkan:

Kecerdasan Buatan Generatif (AI) dan Manipulasi Realiti (Deepfake)

Perkembangan teknologi AI, khususnya *deepfake*, telah menjadi manifestasi fizikal kepada falsafah pascamodenisme yang merombak garis pemisah antara kebenaran dan kepalsuan. AI kini mampu memalsukan suara, imej, dan video tokoh tertentu yang berpotensi mencetuskan fitnah berskala global dan menggugat kestabilan sosiopolitik masyarakat. Dari sudut Usuluddin, mendepani isu ini menuntut pemeraksanaan metodologi *tabayyun* (menyelidik kesahihan maklumat) ke tahap literasi digital yang tinggi. Selain itu, penciptaan dan penggunaan AI perlu dinilai melalui kerangka Khilafah (tanggungjawab perwakilan) dan Amanah, bagi memastikan entiti AI ini berfungsi dalam batas etika Islam dan bukan semata-mata memaksimumkan fungsi tanpa pertimbangan nilai moral.

Media Sosial, Gelembung Penapis (Filter Bubbles) dan Era Pasca-Kebenaran

Algoritma media sosial masa kini dikawal selia untuk mencipta 'gelembung penapis' dan ruang gema (*echo chambers*) yang hanya menyajikan maklumat berdasarkan kecenderungan pengguna. Hal ini membiakkan faham ekstremisme, polarisasi masyarakat, dan salah faham terhadap Islam (*Islamophobia*). Lebih kritikal, kebenaran kini dinilai berdasarkan metrik 'tular' (*virality*) dan populariti, bukannya kesahihan. Pengukuhan Usuluddin di sini berfungsi untuk menegaskan semula prinsip autoriti ilmu. Masyarakat perlu dididik dengan tasawur bahawa rujukan keagamaan dan penentuan hukum mesti disandarkan kepada golongan ilmuwan berautoriti yang memiliki sanad kelimuan (epistemologi berhierarki), dan bukan sekadar pempengaruh (*influencers*) yang tidak mempunyai asas metodologi yang teguh.

Krisis Ekologi dan Perubahan Iklim Global

Krisis alam sekitar yang melanda dunia masa kini adalah kesan langsung daripada hegemoni materialisme dan kapitalisme radikal yang memandang alam semata-mata sebagai objek eksploitasi ekonomi. Pendekatan pasca moden pula sering gagal memberikan penyelesaian yang tuntas kerana penolakan mereka terhadap nilai metafizik. Dalam hal ini, peluasan tasawur Usuluddin berupaya menawarkan jalan keluar melalui tanda kebesaran Allah. Paradigma umat Islam terhadap alam sekitar mesti dianjurkan daripada mentaliti pengguna kepada mentaliti penjaga (*custodianship*). Alam ditadbir urus berlandaskan prinsip *Taskhir* (ditundukkan untuk manusia dengan amanah) yang terikat dengan pembalasan dosa dan pahala pada hari Akhirat, menjadikan pemuliharaan alam sebagai satu tuntutan akidah, bukan sekadar polisi kelestarian sekular.

KESIMPULAN

Pengukuhan Usuluddin dalam menghadapi ancaman pascamodenisme dan era pasca normal bukanlah sekadar usaha kosmetik, tetapi satu proses penyusunan semula teras disiplin. Ia bermula dengan pemurnian epistemologi tauhid, diikuti peluasan tasawur Islam ke isu kontemporari, serta penataan metodologi, kurikulum, dan tadbir ilmu agar responsif terhadap cabaran global. Dengan paksi ini, Usuluddin berperanan mempertahankan kesatuan makna dalam dunia yang cenderung memecahkannya, menegakkan hierarki ilmu dalam medan relativisme, dan menyediakan kebolehsuaian normatif dalam zaman ketidakpastian tinggi.

Tradisi kalam, tauhid, dan akidah tidak ditinggalkan, sebaliknya dihidupkan semula sebagai kerangka dinamik yang memandu akal, teknologi, dan masyarakat ke arah masalah yang tertib, beradab, dan berlandaskan tauhid. Inilah jalan pengukuhan yang bukan sahaja bertahan, tetapi mendepani masa kini dan masa depan bagi membina ketahanan epistemik dan sosial melalui ilmu yang berakar pada Realiti Yang Esa, sambil menghubungkan prinsip wahyu dengan rasionalistik, sains, dan keperluan manusia sejagat.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada konflik kepentingan untuk diisytiharkan.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia, Geran Penyelidikan Jangka Pendek dengan No. Projek: R501-LR-RND002-0000001708-0000.

KESEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data yang menyokong hasil dapatan kajian ini boleh diperolehi atas permintaan daripada penulis koresponden.

PENYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

RUJUKAN

Ab Majid, M. K. H. (1996). Skop, sejarah, dan aliran pemikiran Islam. *Jurnal Usuluddin*, 5, 111–134.
Ab Majid, M. K. H. (n.d.). Nota kuliah aliran pemikiran moden. Diploma Eksekutif Pengajian

Usuluddin, Universiti Malaya.

- Abdul Hamid, M. (1996). *Tajdid al-fikr al-Islami*. Herndon, VA: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Ahmad Amin. (1965). *Fajr al-Islam*. Kaherah: Dar al-Kutub.
- al-Ahwani, A. F. (1970). *Ilmu Kalam dan Falsafah Islam*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Attas, S. M. N. (1978). *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- al-Bahi, M. (1972). *Al-Fikr al-Islami wa al-Tahaddiyat al-Mu'asirah*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- al-Nashar, A. (1986). *Nash'ah al-Fikr al-Falsafi fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Rifa'i, M. (1972). *Al-Tahaddiyat al-Kubra fi al-'Alam al-Islami*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Baudrillard, J. (1994). *Simulacra and simulation*. Ann Arbor, MI: University of Michigan Press.
- Creswell, J. W. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- El-Muhammady, M. U. (1998). Cabaran pemuda Islam dalam era moden. *Pengasuh*, 491(Jan–Mac), 7–10.
- El-Muhammady, M. U. (n.d.). *Pascamodenisme dan Islam: Satu pandangan awal (Monograf 3)*. Kajang: Akademi Kajian dan Ketamadunan.
- Foucault, M. (1980). *Power/knowledge: Selected interviews and other writings, 1972–1977* (C. Gordon, Ed.). New York, NY: Pantheon Books.
- Funtowicz, S. O., & Ravetz, J. R. (1993). Science for the post-normal age. *Futures*, 25(7), 739–755. [https://doi.org/10.1016/0016-3287\(93\)90022-L](https://doi.org/10.1016/0016-3287(93)90022-L)
- Harahap, S., & Nasution, H. B. (2003). *Ensiklopedia Aqidah Islam*. Jakarta: PT Ichtiar Baru van Hoeve.
- Ibn Khaldun. (2006). *Mukadimah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jongeneel, J. A. B. (1998). *Philosophy, science, and theology of mission in the 19th and 20th centuries: A missiological encyclopedia*. Frankfurt: Peter Lang.
- Lyotard, J.-F. (1984). *The postmodern condition: A report on knowledge*. Minneapolis, MN: University of Minnesota Press.
- Nasr, S. H. (1981). *Knowledge and the sacred*. New York, NY: Crossroad.
- Pariser, E. (2011). *The filter bubble: What the Internet is hiding from you*. New York, NY: Penguin Press.
- Sardar, Z. (2010). Welcome to postnormal times. *Futures*, 42(5), 435–444. <https://doi.org/10.1016/j.futures.2009.11.028>
- Sardar, Z. (2015). Postnormal times revisited. *Futures*, 67, 26–36. <https://doi.org/10.1016/j.futures.2015.02.003>
- Sunstein, C. R. (2017). *#Republic: Divided democracy in the age of social media*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Syed Sabiq. (n.d.). *Al-'Aqa'id al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Teuku Iskandar. (1986). *Kamus Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Stapa. (2014). Revitalisasi proses peneguhan akidah dalam menghadapi cabaran pascamodenisme. *Ar-Raniry: International Journal of Islamic Studies*, 1(1). <https://doi.org/10.22373/jar.v1i1.7373>